**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR**

**(BAHAGIAN DAGANG)**

**GUAMAN NO. ____________________ /2017**

Antara

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ... Plaintif

Dan

1. Yeow Kheng Chew
   (No. K/P: 520928-07-5157)
2. Paulene Chee Yuet Fang
   (No. K/P: 600724-10-6900)
3. Tan Yee Chee
   (No. K/P: 700321-01-5279) ... Defendan-Defendan

**WRIT**

**YANG AMAT ARIF HAKIM BESAR MALAYA**
**ATAS NAMA DAN BAGI PIHAK SERI PADUKA BAGINDA**
**YANG DI-PERTUAN AGONG**

Kepada:

1. Yeow Kheng Chew
   (No. K/P: 520928-07-5157)
   Unit 18, Villa Mont Kiara
   No 18 Jalan Kiara
   50480 Kuala Lumpur



S/N JrRyFfvNckyKEXwWcyOLKg
**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

2. Paulene Chee Yuet Fang
   (No. K/P: 600724-10-6900)
   No. 21, Jalan Helang Siput 6
   Kepong Baru
   52100 Kuala Lumpur

3. Tan Yee Chee
   (No. K/P: 700321-01-5279)
   No. 22A, Jalan Sepah Puteri 5/14
   Seri Utama, Kota Damansara
   47810 Petaling Jaya

Kami perintahkan kamu bahawa dalam empat belas (14) hari selepas penyampaian writ ini kepada kamu, termasuklah hari penyampaian itu, kamu hendaklah menyebabkan suatu kehadiran dimasukkan untuk diri kamu dalam suatu kausa atas guaman SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA dan ambil perhatian, bahawa dalam keingkaran kamu berbuat demikian Plaintif boleh meneruskan untuk mendapatkan penghakiman dan pelaksanaan.

DISAKSIKAN oleh Tuan Mohd Afif Bin Ahmad Zamanhuri Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah di pada 26 haribulan Julai , 2017.

METERAI MAHKAMAH TINGGI MALAYA
KUALA LUMPUR

MOHD AFIF BIN AHMAD ZAMANHURI
Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Kuala Lumpur

| | |
|---|---|
| ………………………………… | ………………………………… |
| Peguamcara Plaintif | Penolong Kanan Pendaftar |
| | Mahkamah Tinggi |
| | Kuala Lumpur |



S/N JrRyFfvNckyKEXwWcyOLKg
**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

## *Memorandum yang hendak Diturunkan pada Writ*

Writ ini tidak boleh disampaikan lebih dari enam (6) bulan kalendar selepas tarikh di atas melainkan jika diperbaharui melalui perintah Mahkamah.

Defendan (atau Defendan-defendan) boleh hadir bersama dengan mencatatkan kehadiran (atau kehadiran-kehadiran) sama ada sendiri atau melalui peguam di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur.

Seseorang Defendan yang hadir sendiri boleh, jika dikehendakinya, memasukkan kehadirannya melalui pos, dan borang-borang yang tertentu bolehlah didapati dengan menghantar Kiriman Pos berharga RM10.00 berserta sampul surat beralamat sendiri kepada Pendaftar, Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur.

## *Pengindorsan Tuntutan*

Tuntutan Plaintif berbangkit dari pelanggaran Defendan-Defendan terhadap peruntukan-peruntukan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 ("CMSA") di mana Defendan-Defendan telah, inter alia, melupuskan secara salah saham-saham di dalam Kencana Petroleum Berhad semasa mempunyai maklumat dalaman di bawah maksud Seksyen 188(2)(a) CMSA.

Plaintif memohon untuk memasukkan penghakiman terhadap Defendan-Defendan seperti berikut:

(a) Satu deklarasi bahawa Defendan Pertama telah melanggari Seksyen 188(2)(a) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 ("CMSA") berkenaan dengan pemerolehan saham-saham

Kencana Petroleum Berhad ("saham-saham Kencana") melalui Akaun Perdagangan Asia Premium Corp, Akaun Perdagangan Angnew Resources Limited dan Akaun Perdagangan Defendan Kedua;

(b) Satu deklarasi bahawa Defendan Kedua telah melanggari Seksyen 188(2)(a) CMSA berkenaan dengan pemerolehan saham-saham Kencana melalui Akaun Perdagangan Defendan Kedua, Akaun Perdagangan Asia Premium Corp dan Akaun Perdagangan Angnew Resources Limited;

(c) Satu deklarasi bahawa Defendan Ketiga telah melanggari Seksyen 188(2)(b) CMSA berkenaan dengan pemerolehan saham-saham Kencana melalui Akaun Perdagangan Defendan Kedua;

(d) Satu perintah bahawa Defendan Pertama dan Kedua masing-masing (*severally*) membayar wang berjumlah RM2,326,980.00 yang merupakan amaun yang bersamaan dengan tiga (3) kali ganda amaun sebanyak RM775,660.00, yakni perbezaan di antara harga saham-saham Kencana yang telah diperolehi dengan harga saham-saham Kencana berkemungkinan boleh diperolehi pasa masa pemerolehan, jika maklumat dalaman berkenaan Cadangan Penggabungan antara Kencana Petroleum Berhad dengan SapuraCrest Petroleum Berhad boleh didapati secara umum;

(e) Satu perintah bahawa Defendan Ketiga membayar wang berjumlah RM452,280.00 yang merupakan amaun yang bersamaan dengan tiga (3) kali ganda amaun sebanyak


**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

RM150,760.00, yakni perbezaan di antara harga saham-saham Kencana telah diperolehi dengan harga saham-saham Kencana berkemungkinan boleh diperolehi pasa masa pemerolehan, jika maklumat dalaman berkenaan Cadangan Penggabungan antara Kencana Petroleum Berhad dengan SapuraCrest Petroleum Berhad boleh didapati secara umum;

(f) Satu perintah untuk penalti sivil sebanyak RM1,000,000.00 atau apa-apa jumlah lain yang dianggap sesuai oleh Mahkamah Yang Mulia ini, yang merupakan satu amaun yang tidak melebihi RM1,000,000.00 terhadap kesemua Defendan masing-masing (*severally*) di bawah Seksyen 201(6) CMSA;

(g) Satu perintah bahawa kesemua Defendan dihalang dari menjadi seorang pengarah di dalam mana-mana syarikat tersenarai awam untuk tempoh selama 10 tahun dari tarikh Perintah ini;

(h) Satu perintah bahawa kesemua Defendan akan menahan diri dari penglibatan dalam pengurusan mana-mana syarikat tersenarai awam untuk tempoh 10 tahun dari tarikh Perintah ini;

(i) Faedah pada kadar 5% setahun di atas jumlah penghakiman dari tarikh penghakiman sehingga tarikh penyelesaian penuh;

(j) Kos di atas dasar peguamcara dan anak guaman atau kos; dan

(k) Relif-relif selanjutnya dan/ atau relif-relif lain yang dianggap sesuai oleh Mahkamah Yang Mulia ini.


**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

Dan RM.........................(atau sekian banyak wang sebagaimana yang dibenarkan setelah ditetapkan) untuk kos, dan juga, jika Plaintif dapat perintah untuk penyampaian ganti, jumlah wang sebanyak RM..................... (atau sekian banyak wang sebagaimana yang dibenarkan setelah ditetapkan). Sekiranya amaun yang dituntut dan kos dibayar kepada Plaintif atau peguamcaranya dalam tempoh empat belas (14) hari selepas penyampaian writ ini (termasuk hari penyampaian), prosiding seterusnya akan ditangguhkan, tetapi jika ternyata daripada pengindorsan pada writ itu bahawa Plaintif adalah bermastautin di luar wilayah terjadual, sebagaimana yang ditakrifkan oleh Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, atau bertindak mengikut perintah atau bagi pihak seseorang yang bermastautin sedemikian, prosiding akan hanya ditangguhkan sekiranya amaun yang dituntut dan kos dibayar ke dalam mahkamah dalam masa yang tersebut itu dan notis pembayaran itu diberikan kepada Plaintif atau peguamnya.

***Pengindorsan terhadap Peguamcara dan alamat***

Writ ini dikeluarkan oleh Tetuan Benjamin Dawson, Peguamcara bagi pihak Plaintif dengan alamat penyampaian di C-11-5, Blok C, Aras 11, Unit 5, Megan Avenue II, 12 Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.

Tel : 03 - 2710 1822

Faks : 03 - 2710 1833

Ruj Kami : 112319/SC/BJD


**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

***Pengindorsan tentang penyampaian***

Writ Saman ini telah disampaikan oleh .................................. dengan cara penyampaian kediri (atau sebagaimana yang berkenaan) (Nyatakan cara penyampaian atau mengikut terma-terma suatu perintah untuk penyampaian ganti) kepada Defendan-Defendan (yang saya kenali) (atau yang telah ditunjukkan kepada saya oleh ........................) (atau yang telah mengaku kepada saya bahawa dia ialah...........................................................................) di ............................................................................ pada haribulan 2017.

Diindorskan pada haribulan 2017.

..............................
Penghantar Saman

S/N JrRyFfvNckyKEXwWcyOLKg



**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal